

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 9 JANUARI 2024  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 8

### Penduduk pedalaman hadapi kekangan daftar PADU

#### Penduduk pedalaman hadapi kekangan daftar PADU

**PADANG TERAP** - Penduduk yang tinggal di kawasan kampung mahupun pedalaman sedar dengan kewujudan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang disediakan oleh kerajaan, namun mengakui tetap menghadapi kekangan untuk mengisinya.

Bagi mereka yang tidak mahir untuk mendaftar PADU ataupun masih belum memahami sepenuhnya tentang fungsi sistem itu, mereka akan meminta tolong kawan ataupun ahli keluarga lain seperti anak dan cucu untuk mendapatkan pencerahan serta mengisinya.

Seorang penoreh getah dari Kampung Padang Cenderai, Mahazir Bakar, 51, mengakui perkara tersebut dan dia tidak terburu-buru mahu mengisinya kerana mahu mengelakkan kesilapan berlaku.

“Saya minta tolong kawan untuk isi sebab saya tidak mahir sangat untuk isi dalam talian. Sekarang saya tunggu kawan-kawan selesai dulu barulah saya minta mereka tolong isikan.

“Walaupun tinggal di kampung, saya ambil tahu tentang PADU dan perlu diisi selewat-lewatnya pada 31 Mac. Ia diwujudkan sebab mahu selaraskan bantuan subsidi kepada mereka yang betul-betul memerlukan,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian* pada Isnin.

Bagi bekas pekerja Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Othman Bakar, 70, pula, dia masih belum mengisi PADU kerana kesukaran untuk mengakses portal tersebut buat masa sekarang.

Jelasnya, tempoh masa yang diberikan untuk mendaftar PADU dilihat cukup kepada rakyat di negara ini untuk berbuat demikian.

“Saya belum isi lagi sistem itu sebab susah nak akses mungkin orang ramai tengah masuk untuk isinya. Bagi laluan pada orang lain untuk isi dulu sebab tempoh masa yang diberikan masih ada,” ujarnya.